

---

**MINIT MESYUARAT  
MALAYSIAN ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC)  
BIL. 3/2013**

---

**TARIKH** : 23 OKT 2013 (RABU)  
**MASA** : 11:00 PAGI  
**TEMPAT** : BILIK MESYUARAT LEMBAGA EKSEKUTIF (BMLE)  
CANSELORI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

---

**HADIR**

Dr Nor Edzan Haji Che Nasir - Pengerusi  
Universiti Malaya

Cik Sutarmi Kasimun - Setiausaha  
Universiti Malaya

Encik Ali Abd Rahim  
Universiti Sains Malaysia

Puan Asmaniza Mansor  
Universiti Utara Malaysia

Puan Faridah Talib  
Universiti Teknologi MARA

Cik Hasdarinar Abd Jalal  
Universiti Malaysia Perlis

Cik Hasliza Mohamed  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Cik Hejilda Hendrick  
Universiti Malaysia Sarawak

Puan Kamaliah Mohamad  
Universiti Teknologi Petronas

Puan Khairunnisa Ahmad  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Encik Mohd Hairolanuar Mohammad  
Universiti Malaysia Terengganu

Encik Mohd Kamal Mohd Yusoff  
Universiti Kuala Lumpur

Encik Mohd Nasir Hj Md Rashid  
Universiti Sains Malaysia

Encik Mohd Nizam Mahat  
Universiti Tenaga Nasional

Encik Mohd Shahrulnizam Zuraimi  
Universiti Malaysia Terengganu

Encik Mohammad Shukri Yaakub  
Multimedia University

Encik Muhamad Hafiz Morad  
Open University Malaysia

Puan Nona Zurena Masenwat  
Perpustakaan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Noormala Maarof  
Universiti Teknologi MARA

Puan Norazlynne Mohd Johan @ Jacklyne  
Universiti Malaysia Sabah

Puan Rohayah Maliki  
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Puan Rosnah Yusof  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Sofiah Khalid  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Puan Suhaila Marsidi  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Puan Wan Kartini Wan Sulaiman  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Encik Yusrul Hisham Mohd Yusof  
Universiti Teknologi Malaysia

Puan Zaharah Mohamad Nor  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Encik Zawawi Tiyunin  
Universiti Malaysia Sabah

## **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Puan Azana Haji Abd Hadi  
Universiti Putra Malaysia

Puan Azizah Zainal Abidin  
Universiti Putra Malaysia

Puan Azlina Othman  
Universiti Sains Islam Malaysia

En Azraai Abidin  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Puan Fatimah Abd Aziz  
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

Encik Hairuladzhar Mohd. Hamdi  
Universiti Malaysia Kelantan

Encik Khairul Anwar Husaini  
Universiti Kuala Lumpur

Puan Korina Ibrahim  
Universiti Malaysia Sarawak

Encik Mohammed Ariff Ahmad  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

YBhg. Datin Munazzah Zakaria  
Perpustakaan Negara Malaysia

Puan Noor Azura Omar  
Universiti Malaysia Pahang

Puan Nurul Fariah Sarmin Panut  
Universiti Teknologi MARA

Puan Nurul Sazrina Mohd Shukor  
Perbadanan Produktiviti Malaysia

Puan Ruzilah Ehsan  
Agensi Nuklear Malaysia

Cik Ruzita Kamis  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Saniah Hj Irmia  
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Cik Siti Khabshah Masrom  
Multimedia University

Puan Sharifah Akmal Syed Abd Rahman  
Universiti Malaysia Terengganu

Puan Sukmawati Muhamad  
Universiti Sains Malaysia

Encik Wan Rozaini Wan Ibrahim  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Encik Wan Suhaimi Ariffin  
Perpustakaan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Wizana Abd Jalil  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

	PERKARA	TINDAKAN
38	<p><b>KATA-KATA ALUAN Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli dan merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) di atas kesudian menjadi penganjur Bengkel Analisa Penggunaan Sumber Maklumat Elektronik 2013 dan Mesyuarat MOLEC Bilangan 3 Bagi Tahun 2013. Mesyuarat turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Dg Rukiah Ag. Amit. Ketua Pustakawan, Perpustakaan UMS yang telah sudi merasmikan Bengkel. Ucapan terima kasih turut dipanjangkan kepada pihak pembekal dan penerbit yang sudi membiayai tajaan makanan sepanjang bengkel dan mesyuarat berlangsung.</p>	Makluman
39	<p><b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MOLEC BIL. 2/2013</b></p> <p>Minit Mesyuarat MOLEC Bil. 2/2013 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman
40	<p><b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b></p> <p><b>40.1 Minit 36.1 Minit Mesyuarat MOLEC</b>  Sekretariat MOLEC masih tidak menerima salinan minit mesyuarat yang berikut untuk dimuat naik ke portal rasmi PERPUN (<a href="http://perpun.upm.edu.my/myULIS">http://perpun.upm.edu.my/myULIS</a>)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Minit Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2000</li> <li>2) Minit Mesyuarat Bilangan 1-3 Tahun 2007 (28/3/2007, 22/5/2007, 23/11/2007)</li> </ol> <p><b>40.2 Minit 36.2 Cadangan Langganan Pangkalan Data 2013-2014 Menggunakan Bajet KPT</b>  Mesyuarat rundingan terus dengan pembekal dan penerbit telah diadakan di Jabatan Pengajian Tinggi Putrajaya pada 28 Ogos 2013. Mesyuarat dipengerusikan oleh Encik Abd Hadi Omar, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Pengajian Tinggi. Mesyuarat turut dihadiri oleh Encik Amir Hussain, Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia selaku Pengerusi PERPUN, Dr Nor Edzan Che Nasir, selaku Pengerusi MOLEC dan Cik Sutarmi Kasimun, selaku setiausaha MOLEC. Pihak Kementerian akan membuat pembayaran langganan pangkalan data kepada pihak pembekal dan penerbit yang berkenaan bagi tahun 2013 dan 2014.</p> <p><b>40.3 Minit 36.3 Penubuhan dan Pengaktifan Semula Jawatankuasa Kerja Mengkaji Lesen Perjanjian</b>  Senarai semak lesen perjanjian telah dikemaskini dan diedarkan kepada semua ahli. Semua ahli diminta meneliti dan mendapatkan maklum balas daripada pihak perundangan Universiti masing-masing.</p> <p><b>40.4 Minit 36.6 Keberkesanan Model Pay Per View</b>  Wakil UKM masih belum membuat pembentangan perkongsian pengalaman perolehan artikel menggunakan model <i>pay per view</i>.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Semua ahli yang berkenaan</p> <p>UKM</p>

	PERKARA	TINDAKAN
	<p><b>40.5 Minit 37.1 Cadangan Pembentangan Laporan Penggunaan PDK 2013</b> Laporan penggunaan PDK berikut telah dibentangkan di UMS oleh wakil Perpustakaan masing-masing iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Academic Search Premier (ASP) &amp; Business Source Complete (BSC) (EBSCO) – UTM dan UTHM</li> <li>ProQuest Dissertations &amp; Theses (PQDT) - UiTM</li> <li>Scopus – UKM dan UPM</li> <li>EBSCO ebooks – UMS dan UNIMAS</li> <li>BLIS – UUM &amp; UniMAP</li> <li>IEEE – UNITEN dan MMU</li> <li>IOP Science – USM (dibentangkan semasa Mesyuarat MOLEC)</li> </ol> <p><b>40.6 Minit 37.3 Cadangan Langganan Sumber Elektronik di bawah Pembiayaan Berpusat 2015 – 2017</b> Mesyuarat dimaklumkan, Mesyuarat PERPUN yang telah diadakan di Langkawi pada 3 Oktober 2013 telah bersetuju agar sumber maklumat elektronik ini dikekalkan langganannya untuk tempoh 2015 – 2017</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>PQDT</li> <li>EBSCO (ASP &amp; BSC)</li> <li>Scopus</li> <li>BLIS</li> </ol> <p>Langganan Science Direct turut dicadangkan untuk dimajukan kepada pihak Kementerian.</p> <p>Sekretariat MOLEC akan menyediakan kertas cadangan yang berkaitan untuk dimajukan kepada pihak yang berkenaan.</p> <p><b>40.7 Minit 37.5 Langganan IEEE 2014 – 2016</b> Mesyuarat rundingan harga ahli konsortium langganan IEEE dengan wakil syarikat United Technology telah diadakan pada 24 September 2013 di Perpustakaan UM. Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil daripada UM, UiTM, UTEM, MMU, UIAM dan UTHM. Ahli konsortium meminta agar kenaikan harga langganan 2014-2016 dikurangkan kepada 1.5%. Walau bagaimanapun, pihak syarikat menyatakan harga yang ditawarkan merupakan harga terendah, tanpa sebarang kenaikan harga untuk tempoh tiga tahun berturut-turut (2011-2013 dan 2014-2016). Pihak syarikat pembekal menjangkakan kenaikan yang lebih tinggi akan berlaku sekiranya kenaikan harga dikenakan pada setiap tahun langganan.</p> <p>Ahli konsortium yang hadir bersetuju dengan harga konsortium yang ditawarkan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Untuk tempoh 2014-2016 iaitu USD 88,580</li> <li>Tiada perubahan harga sekiranya terdapat ahli konsortium yang menarik diri atau tidak memperbaharui langganan</li> <li>Harga yang ditawarkan adalah untuk <i>single site</i></li> <li>Pihak pembekal akan sentiasa memberi sokongan ke atas semua aktiviti yang dianjurkan oleh institusi</li> </ol>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Sekretariat</p> <p>Makluman</p>

	PERKARA	TINDAKAN
41	<p><b>HAL-HAL LAIN</b></p> <p><b>41.1 Langganan Science Direct</b>  Wakil penerbit Elsevier yang dijemput memaklumkan sejumlah 16 institusi di Malaysia sedang melanggan Science Direct sama ada langganan kepada <i>core collection</i>, <i>freedom collection</i> atau <i>subject collection</i>. Pihak penerbit memaklumkan, pelanggan <i>freedom collection</i> mendapat faedah yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>caj sebanyak 9% untuk content fee</li> <li>akses teks penuh untuk artikel terbitan tahun 1995 hingga kini</li> <li>akses kepada 70 jurnal <i>open access</i> tanpa caj tambahan</li> <li>penambahan kandungan sekitar 4%</li> </ol> <p>Elsevier turut menawarkan sekiranya mana-mana institusi memerlukan sebarang laporan penerbitan dalam Science Direct, mereka boleh berbuat demikian dengan memaklumkan kepada Elsevier lebih awal.</p> <p>Perkara-perkara berikut telah dibincangkan bersama wakil penerbit:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengenai kenaikan harga langganan sebanyak 5.1%, pihak Elsevier bersetuju memanjangkan tempoh pengesahan pembaharuan langganan sehingga 6 bulan daripada tarikh notis pembaharuan dikeluarkan. Selain daripada itu, kenaikan harga yang lebih rendah boleh dipertimbangkan sekiranya institusi bersetuju membuat pengikatan pembaharuan langganan lebih dari setahun (<i>multi year agreement</i>). Walau bagaimanapun, institusi perlu memastikan <i>exit clause</i> dinyatakan dengan jelas dalam surat perjanjian.</li> <li>Mengenai langganan tajuk-tajuk jurnal Science Direct yang duplikat, mesyuarat turut dimaklumkan, corak penggunaan bagi setiap institusi adalah berbeza. Oleh yang demikian, cadangan untuk mengelakkan langganan tajuk-tajuk yang sama sukar dilaksanakan.</li> <li>Mesyuarat juga meminta agar pihak Elsevier menghantar wakil yang sama kepada semua institusi yang melanggan Science Direct supaya maklumat yang disampaikan selaras dan tidak timbul sebarang percanggahan.</li> </ol>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
Sutarmi Kasimun  
Setiausaha MOLEC

\_\_\_\_\_  
Dr Nor Edzan Hj Che Nasir  
Pengerusi MOLEC